

DENDANG GAJAH
Asian Fairy Bluebird

FAMILI: *renidae*
NAMA SAINTIFIK: *Irena puella*



CIRI-CIRI

Bagi burung jantan dewasa, pengecaman agak senang kerana perwarnaannya yang jelas. Ia berbentuk seperti burung Merbah (Bulbul) dengan bahagian atas badan dan bawah ekor yang berwarna biru pekat yang berkilau serta pada bahagian tepi kepala, bahagian bawah badan, ekor dan sayap yang berwarna hitam. Warna mata pula adalah merah. Bagi burung betina dewasa pula, warna bulu secara keseluruhan adalah biru kehijauan yang kelim dengan bahagian ekor dan bulu luaran pada sayap yang berwarna hitam, manakala mata pula berwarna kemerahan. Bagi burung juvenil pula, ia lebih menyerupai burung betina tetapi berwarna lebih pudar dengan bahagian sayap yang berwarna kecoklatan. Bagi burung jantan, ia akan memperolehi tompokan seperti burung dewasa secara beransur-ansur.

SAIZ

Panjang keseluruhan spesies ini adalah 24.5-26.5 sm.

MAKANAN

Ia menggemari buah-buahan yang banyak terdapat di dalam hutan seperti buah ara atau lain-lain buah dari jenis beri serta serangga dan ulat.

HABITAT

Ia mendiami kawasan hutan dipterokap, hutan tanah pamah, hingga ke ketinggian 1,525 m dari aras laut.

BUNYI

Ia mengeluarkan bunyi yang kuat dan lunak *tu-lip wae-waet-oo* atau bunyi lain *wi-it, wait, pip* dan lain-lain lagi.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan adalah dari bulan Februari hingga Mei setiap tahun dengan burung betina mampu menghasilkan 2-3 biji telur bagi setiap eraman di dalam sarang yang terletak 1 hingga 5 m dari aras tanah di atas pokok atau semak.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.